

**JADUAL KERJA
PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL (FRGS)
FASA 1/2019**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN & TANGGUNGJAWAB	FRGS (15 Jan – 11 April 2019)
1.	<p>a) Penyediaan proposal secara atas talian melalui Sistem MyGRANTS.</p> <p>b) Hantar salinan <i>hardcopy</i> (cetakan dari sistem MyGRANTS) kepada Fakulti / Institut / Pusat bagi tujuan semakan/pemurnian proposal.</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Penyelidik perlu mendaftar sebagai pengguna sistem MyGRANTS dan melengkapkan semua perkara dalam Menu Profile.</i> • <i>Penyelidik diingatkan supaya TIDAK memilih status COMPLETE sehingga semakan/pemurnian di peringkat Fakulti / Institut / Pusat selesai.</i> 	Ketua Projek	<p>15 Jan 2019 – 28 Feb 2019</p> <p>(45 hari)</p> <p>(Jadual kerja proses saringan / pemurnian ditentukan oleh Fakulti / Institut / Pusat masing-masing)</p>
2.	Proses semakan/pemurnian permohonan di peringkat Fakulti / Institut / Pusat.	Urusetia Penyelidikan Fakulti / Institut / Pusat	
3.	Pembetulan kertas proposal secara atas talian oleh penyelidik.	Ketua Projek	
4.	<p>a) Melengkapkan dan menghantar kertas konsep / proposal yang telah disemak/dimurnikan peringkat Fakulti / Institut / Pusat melalui sistem MyGRANTS.</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>(Tukar DRAF kepada COMPLETE > klik SAVE)</i> • <i>Untuk memastikan permohonan telah berjaya dihantar, tunggu sehingga notifikasi 'Your Proposal</i> 	Ketua Projek	<p>Selewat-lewatnya 28 Feb 2019 (sebelum jam 12.00 tengah malam)</p> <p><i>**Pastikan penyelidik memberi perhatian kepada tarikh ini. Ini merupakan hari terakhir untuk hantar proposal melalui MyGRANTS</i></p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN & TANGGUNGJAWAB	FRGS (15 Jan – 11 April 2019)
	<p><i>is ready to collect by RMC' dipaparkan.</i></p> <p>b) Hantar salinan <i>hardcopy</i> proposal (cetakan daripada sistem MyGRANTS) yang telah ditambahbaik kepada Fakulti / Institut / Pusat.</p>		
5.	<p>Mengemukakan permohonan ke CRIM:</p> <p>i. 1 salinan <i>hardcopy</i> proposal terkini (cetakan daripada sistem MyGRANTS).</p> <p>ii. Senarai Permohonan (Masterlist) yang telah diperakukan di peringkat Fakulti / Institut / Pusat dalam bentuk <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i>.</p> <p>Nota : Hanya permohonan yang telah diperakukan di peringkat Fakulti / Institut / Pusat akan diambil kira.</p>	<p>Urusetia Fakulti/Institut/Pusat</p>	<p>Selewat-lewatnya 1 Mac 2019 (sebelum 12.00 tengah hari)</p>
6.	<p>Penyelarasan permohonan dari sistem MyGRANTS untuk penilaian peringkat UKM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semakan dari segi keperluan teknikal. • Agihan proposal kepada Panel Penilai. <p>Nota:</p> <p>i. Hanya permohonan yang telah diperakukan di peringkat Fakulti / Institut / Pusat akan diproses.</p> <p>ii. Permohonan daripada Ketua Projek yang belum menghantar laporan akhir projek terdahulu tidak akan diproses.</p>	<p>CRIM</p>	<p>2 - 8 Mac 2019</p>
7.	<p>Penilaian secara atas talian oleh Panel Penilai UKM:</p> <p>a) Penilaian oleh panel penilai.</p> <p>b) Pembedulan secara atas talian oleh Ketua Program / Ketua Projek.</p>	<p>Panel Penilai / Ketua Projek</p>	<p>9 Mac – 5 April 2019 (28 hari)</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN & TANGGUNGJAWAB	FRGS (15 Jan – 11 April 2019)
	<p>c) Semakan pembetulan oleh Panel Penilai UKM secara atas talian.</p> <p>Nota: Kesemua proses ini berlaku secara atas talian dan boleh berlaku beberapa kali sehingga Panel Penilai berpuas hati dengan pembetulan yang dibuat oleh penyelidik.</p>		
8.	Pengumpulan kertas proposal yang telah dinilai oleh Panel Penilai UKM melalui MyGRANTS.	CRIM	6 – 11 April 2019
9.	Perakuan permohonan dan penghantaran permohonan kepada KPT melalui sistem MyGRANTS.		



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

JPT | **JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI**

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN
SKIM GERAN PENYELIDIKAN
FUNDAMENTAL (FRGS)
(PINDAAN TAHUN 2019)**

**BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA
No. Tel: 03-8870 6974/6975
No. Faks: 03-8870 6867**

KANDUNGAN

Visi dan Misi Penyelidikan Fundamental	3
BAHAGIAN 1 (PENGENALAN)	
1.1 Pendahuluan	4
1.2 Falsafah	4
1.3 Definisi	4
1.4 Tujuan	4
BAHAGIAN 2 (PERMOHONAN)	
2.1 Syarat Am Permohonan	5
2.2 Sektor Keutamaan Negara, Kluster Penyelidikan Dan Domain Penyelidikan	7
2.3 Tempoh Penyelidikan	8
2.4 Siling Peruntukan	8
2.5 Hasil Penyelidikan	9
2.6 Peraturan Permohonan	10
BAHAGIAN 3 (PENILAIAN)	
3.1 Penilaian Permohonan	11
3.2 Kriteria Penilaian	12
BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)	
4.1 Pelaksanaan Penyelidikan	13
4.2 Pemantauan Projek	13
BAHAGIAN 5 (PERATURAN KEWANGAN)	
5.1 Kod Perbelanjaan	16
5.2 Penggunaan Peruntukan	18
BAHAGIAN 6 (KEPUTUSAN)	
6.1 Pemberitahuan Keputusan Dan Pengagihan Peruntukan	19
6.2 Dokumen Dan Ikatan Perjanjian	19
LAMPIRAN	
Carta Alir, Jadual dan Senarai IPT (Lampiran A)	21

VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL

Visi

Penyelidikan fundamental yang berdaya saing
untuk transformasi ilmu dan
kecemerlangan negara

Misi

Membudaya, memperkasa dan melestarikan
kapasiti penyelidikan berimpak tinggi
bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap
perkembangan bakat, peningkatan tahap intelektual,
penciptaan teknologi baharu dan
penyuburan peradaban yang dinamik

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Dokumen Garis Panduan Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia ini disediakan sebagai rujukan dan panduan bagi permohonan geran penyelidikan di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Garis Panduan ini perlulah dirujuk bersekali dengan Dokumen Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

1.2 FALSAFAH

Sebagai sebuah negara yang beraspirasi untuk menjadi negara maju, Malaysia perlu menyuburkan budaya penyelidikan. Untuk ini sebuah dana khusus diperlukan. Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dapat menggalakkan penyelidikan asas untuk menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.

1.3 DEFINISI

Penyelidikan Fundamental merupakan penyelidikan asas yang boleh menghasilkan teori, konsep dan idea baru demi perkembangan ilmu.

1.4 TUJUAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk melonjakkan penjanaan teori, konsep dan idea baru yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baru yang menerobos sempadan ilmu dan penciptaan inovatif.

BAHAGIAN 2

PERMOHONAN

Pihak JPT, KPM akan memaklumkan pembukaan tarikh permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) melalui surat rasmi kepada Institusi. Institusi perlu membuat hebahan pembukaan permohonan dan melaksanakan penilaian permohonan mengikut ketetapan JPT, KPM. Carta alir bagi proses permohonan adalah seperti di Rajah 1.

2.1 SYARAT AM PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik di Institusi yang berkaitan seperti di Lampiran A dengan syarat-syarat berikut:-

2.1.1 Warganegara Malaysia.

2.1.2 Kakitangan akademik tetap/kontrak (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah), dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dari institusi yang sama.

2.1.3 Bagi kakitangan akademik bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap dari institusi yang sama.

2.1.4 Felo Penyelidik warganegara Malaysia daripada Universiti Awam dengan tempoh kontrak tidak kurang daripada satu (1) tahun adalah dibenarkan untuk memohon geran sebagai Ketua Penyelidik. Walau bagaimanapun, mesti mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia yang bertaraf tetap dari institusi yang sama.

2.1.5 Permohonan dari Universiti Cawangan perlu mematuhi syarat-syarat berikut:-

2.1.5.1 Ketua Penyelidik yang bukan warganegara Malaysia boleh memohon dengan syarat penyelidik bersama mestilah warganegara Malaysia dan bertaraf tetap dari institusi yang sama.

- 2.1.5.2 Penyelidikan dan penghasilan bakat mestilah dilakukan dalam negara.
- 2.1.6 Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan hanya satu permohonan projek sahaja pada setiap fasa.
- 2.1.7 Permohonan baharu bagi mereka yang telah diluluskan FRGS pada fasa yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan bukti projek-projek tersebut telah 75% selesai di dalam modul pemantauan sistem MyGRANTS dan disahkan oleh RMC.
- 2.1.8 Setiap projek penyelidikan yang dipohon perlu menghasilkan bakat dalam penyelidikan seperti mana yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia - Pendidikan Tinggi (PPPMPT). Penghasilan bakat adalah seperti berikut:
- (i) Projek tiga (3) tahun
 - disyaratkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Ph.D mod penyelidikan sepenuh masa atau dua (2) orang pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa atau gabungan keduanya.
 - (ii) Projek dua (2) tahun
 - disyaratkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa.
- 2.1.9 Kakitangan akademik yang bercuti belajar dan cuti sabbatical (luar dan dalam negara melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan membuat permohonan baharu. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 2.1.10 Permohonan dari Institusi Penyelidikan di bawah Kementerian yang tersenarai di Lampiran A dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) perlu mengikut syarat-syarat berikut:
- 2.1.10.1 Bagi permohonan dari Institusi Penyelidikan, dimestikan Pegawai Penyelidik/Saintis Penyelidik bertaraf tetap. Pegawai Penyelidik hendaklah mempunyai kelulusan minimum Ijazah Sarjana dengan lima tahun pengalaman kerja selepas lantikan.

2.1.10.2 Bagi permohonan dari IPGM, dimestikan kakitangan akademik bertaraf tetap.

2.1.10.3 Institusi Penyelidikan dan IPGM hendaklah mengadakan kolaborasi dengan Universiti Awam bagi projek penyelidikan yang dicadangkan.

2.1.11 Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama.

2.2 SEKTOR KEUTAMAAN NEGARA, KLUSTER PENYELIDIKAN DAN DOMAIN PENYELIDIKAN

2.2.1 Sektor Keutamaan Negara

Setiap permohonan hendaklah memenuhi Sektor Keutamaan Negara (National Priority Areas - NPAs) seperti berikut:

- i. Jaminan Makanan (Food Security);
- ii. Jaminan Tenaga (Energy Security);
- iii. Tanaman Perladangan (Plantation Crops);
- iv. Keselamatan Siber* (Cyber Security);
- v. Jaminan Air (Water Security);
- vi. Kepelbagaian Bio (Biodiversity);
- vii. Penjagaan Kesihatan dan Perubatan (Healthcare and Medicine);
- viii. Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Environment and Climate Change);
- ix. Pengangkutan dan Mobiliti (Transportation and Mobility).

*Nota: Sektor Keutamaan adalah merangkumi IR4.0 (Cyber Security, Big Data, Artificial Intelligence) yang merujuk kepada National Policy on Industry 4.0.

2.2.2 Kluster Penyelidikan

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan salah satu kluster penyelidikan seperti berikut:

- i. Jaminan dan Keselamatan Makanan (Food Safety & Security);
- ii. Infrastruktur Asas (Basic Infrastructure);
- iii. Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (Climate Change & Environment);
- iv. Kesihatan (Health);
- v. Pendidikan (Education);
- vi. Keselamatan Negara (National Security);
- vii. Kesejahteraan Sosial dan Ekonomi (Social & Economic Wellbeing);
- viii. Teknologi Terkehadapan & Pembuatan Termaju (Frontier Technologies & Advanced Manufacturing).

2.2.3 Domain Penyelidikan

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan salah satu domain penyelidikan seperti berikut:

- i. Sains Tulen dan Gunaan (Pure and Applied Sciences);
- ii. Teknologi dan Kejuruteraan (Technology and Engineering);
- iii. Sains Kesihatan dan Klinikal (Clinical and Health Sciences);
- iv. Sains Sosial (Social Sciences);
- v. Sastera dan Sastera Ikhtisas (Arts and Applied Arts);
- vi. Warisan Alam dan Budaya (Natural and Cultural Heritage);
- vii. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology).

2.3 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah antara dua (2) hingga hingga (3) tahun.

2.4 SILING PERUNTUKAN

Peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu RM250,000.00. Penetapan siling peruntukan ini hendaklah dipatuhi melainkan terdapat apa-apa pengecualian atau arahan daripada JPT, KPM.

2.5 HASIL PENYELIDIKAN

2.5.1 Bakat

Setiap projek penyelidikan disyaratkan untuk menghasilkan bakat seperti mana yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia - Pendidikan Tinggi (PPPMPT). Penghasilan bakat adalah seperti berikut:

2.5.1.1 Projek tiga (3) tahun:-

- disyaratkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Ph.D atau dua (2) orang pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa atau gabungan keduanya.

2.5.1.2 Projek dua (2) tahun:-

- disyaratkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa.

2.5.2 Penerbitan

Semua penyelidik hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan dalam jurnal terindeks. Penghargaan kepada geran FRGS, KPM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

2.5.3 Harta Intelekt

2.5.3.1 Bagi projek yang dibiayai oleh geran FRGS, penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran harta intelek di dalam negara dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta intelek hasil geran FRGS menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan Institusi.

2.5.3.2 Pengurusan harta intelek adalah menjadi tanggungjawab Institusi.

2.5.4 Hasil Pengkomersilan

- 2.5.4.1 Hasil pengkomersilan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran FRGS dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.
- 2.5.4.2 Untuk Universiti Awam, hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada.
- 2.5.4.3 Untuk IPTS/institusi lain, perincian hak milik pengkomersilan hendaklah dipersetujui dalam klausa kontrak.

2.6 PERATURAN PERMOHONAN

- 2.6.1 Permohonan untuk FRGS perlu menggunakan format yang ditetapkan oleh JPT, KPM secara atas talian melalui sistem MyGRANTS.
- 2.6.2 Permohonan untuk FRGS dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati syarat dan bidang penyelidikan seperti yang dinyatakan pada para 2.1 dan para 2.2.
- 2.6.3 Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperakukan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) institusi masing-masing.
- 2.6.4 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran FRGS dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

BAHAGIAN 3

PENILAIAN

3.1 PENILAIAN

3.1.1 Penilaian Permohonan Peringkat Institusi (Penilaian Dalaman)

- i. Penilaian dilaksanakan di peringkat institusi dan hasil penilaian dimajukan kepada JPT, KPM untuk penilaian dan kelulusan;
- ii. RMC perlu melantik Ahli Jawatankuasa Penilaian (Penilai dalaman). Pelantikan penilai perlu menepati kriteria yang ditetapkan JPT, KPM;
- iii. Setiap kertas cadangan penyelidikan (proposal) perlu dinilai sekurang-kurangnya dua (2) orang penilai;
- iv. Penilai perlu meneliti kertas cadangan penyelidikan (proposal) yang dikemukakan mengikut kriteria penilaian yang ditetapkan; dan
- v. Perakuan RMC perlulah berdasarkan syor dan perakuan panel penilai dalaman yang dilantik di peringkat institusi.

3.1.2 Penaziran Permohonan Peringkat JPT, KPM

- i. Penaziran dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penaziran yang dilantik oleh JPT, KPM;
- ii. Jawatankuasa bertanggung jawab meneliti proses penilaian dan proses pelaksanaan program FRGS di peringkat institusi;
- iii. Jawatankuasa bertanggung jawab membuat syor dan perakuan kepada Jawatankuasa Penilaian, JPT berdasarkan dapatan audit tersebut; dan
- iv. JPT, KPM boleh menolak kesemua permohonan dari institusi tersebut sekiranya proses penilaian di institusi tidak mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

3.1.3 Penilaian Permohonan Peringkat JPT, KPM

- i. Permohonan FRGS akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian, JPT mengikut domain penyelidikan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam domain masing-masing.

- ii. Pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Teknikal Skim Geran Penyelidikan Fundamental yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi untuk kelulusan.
- iii. Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, KPM.

3.2 KRITERIA PENILAIAN

3.2.1 Semua syarat dan peraturan garis panduan ini dipenuhi oleh pemohon;

3.2.2 Penyelidik bertanggung jawab mengemas kini profil peribadi dalam MyGRANTS. Profil penyelidik merupakan rujukan bagi penilaian kepatuhan terhadap syarat permohonan;

3.2.3 Cadangan penyelidikan yang dipohon mestilah memenuhi kriteria berikut:

- i. Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep/kaedah/model/proses baru; dan
- ii. Penyelidikan yang dapat menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau
- iii. Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
- iv. Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

BAHAGIAN 4

PEMANTAUAN

4.1 PELAKSANAAN PENYELIDIKAN

Projek penyelidikan perlu dilaksanakan bermula pada tarikh yang ditetapkan oleh JPT, KPM. Projek perlu dilaksanakan mengikut kertas cadangan penyelidikan (proposal) yang telah diluluskan. Institusi dan penyelidik perlu mematuhi peraturan dan ketetapan FRGS serta lain-lain ketetapan daripada JPT, KPM.

Institusi dan penyelidik perlu memastikan sebarang perubahan terhadap kertas cadangan penyelidikan (proposal) mematuhi tadbir urus yang telah ditetapkan.

4.2 PEMANTAUAN

Pemantauan bagi setiap institusi dan projek penyelidikan perlu mematuhi semua kaedah pemantauan yang telah ditetapkan. Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada RMC setiap institusi. Carta alir pemantauan bagi FRGS adalah seperti di Rajah 2.

4.2.1 Pemantauan Berjadual

Setiap projek penyelidikan tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang tempoh projek aktif. Penghantaran laporan prestasi kepada JPT, KPM dilaksanakan setiap enam (6) bulan seperti di Jadual 1.

- i. Penghantaran laporan prestasi dan perbelanjaan bagi projek FRGS adalah:
 - a. Pelaporan pada bulan Februari perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga Disember pada tahun sebelum; dan
 - b. Pelaporan pada bulan Ogos perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga Jun pada tahun yang sama.

- ii. Borang-borang yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:
- a) **Borang Atas Talian (Sistem MyGRANTS)**
Laporan Prestasi projek penyelidikan fundamental di bawah Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS);
 - untuk diisi oleh setiap penyelidik di insitusi;
 - perlu dihantar kepada pengurusan penyelidikan di institusi masing-masing.

 - b) **Borang Laporan Keseluruhan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)**
Laporan Keseluruhan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) mengikut Fasa bagi setiap institusi;
 - diisi oleh pengurusan penyelidikan di institusi masing-masing sebanyak satu (1) salinan;

 - c) **Borang Laporan Kewangan**
Laporan Kewangan bagi Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) mengikut Fasa bagi setiap institusi;
 - diisi oleh pengurusan penyelidikan di institusi masing-masing; dan

 - d) **Laporan Pencapaian**
Laporan Keseluruhan Pencapaian Projek-Projek Penyelidikan FRGS mengikut Fasa bagi setiap institusi;
 - diisi oleh pengurusan penyelidikan di institusi masing-masing.

4.2.2 Pemantauan Tidak Berjadual

- 4.2.2.1 Setiap projek penyelidikan juga tertakluk kepada pemantauan tidak berjadual mengikut ketetapan dan keperluan JPT, KPM.
- i. Lawatan tapak dan pengauditan; dan
 - ii. Pelaporan semula berdasarkan syor dan keperluan mengikut syarat yang ditentukan JPT, KPM.

4.2.2.2 JPT juga berhak memanggil pihak institusi untuk pelaporan tidak berjadual melalui apa-apa kaedah yang bersesuaian seperti pembentangan.

4.2.3 Laporan Akhir

Ketua Penyelidik perlu menghantar laporan akhir dalam bentuk salinan keras dan salinan lembut dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh tamat projek atau tarikh ditamatkan projek.

4.2.3.1 Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- (a) Borang Laporan Akhir;
- (b) Profil Penyelidikan (5 muka surat);
- (c) Hasil (disertakan bahan bukti);
 - Bakat (nama individu dan peringkat pengajian);
 - Penerbitan (dalam jurnal berindeks);
 - Lain-lain hasil.
- (d) Infografik Hasil Penyelidikan;
- (e) Digalakkan untuk menyediakan video impak penyelidikan FRGS berdurasi 3-5 minit mengikut format yang telah ditetapkan JPT, KPM.

4.2.3.2 Semua laporan mesti berdasarkan kepada hasil penyelidikan yang diluluskan sahaja.

BAHAGIAN 5

PERATURAN KEWANGAN

5.1 KOD PERBELANJAAN

Peruntukan bagi FRGS adalah dibenarkan untuk apa-apa pembelian, pembayaran atau perolehan yang memenuhi kod perbelanjaan berikut:

5.1.1 **Vot 11000 – Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)**

Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant - GRA) mod penyelidikan sepenuh masa sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,300.00 untuk pelajar Ph.D dan RM1,800.00 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan institusi.

5.1.2 **Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan**

5.1.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

5.1.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- i. Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya Ketua Penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.
- ii. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan / seminar / bengkel / kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.

- iii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- iv. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.
- v. Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

5.1.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

5.1.3 Vot 24000 – Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

5.1.4 Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

5.1.5 Vot 28000 – Baik pulih Kecil dan ubahsuai

5.1.5.1 Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

5.1.5.2 Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

5.1.6 **Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas**

5.1.6.1 Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan

5.1.6.2 Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis
Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

5.1.7 **Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan**

5.1.7.1 Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan; dan

5.1.7.2 Jumlah yang dipohon bagi vot ini pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

5.2 **PENGGUNAAN PERUNTUKAN**

5.2.1 Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi, peralatan pejabat dan perkakasan seperti *workstation*, komputer riba, *iPad*, telefon bimbit, mesin pencetak, toner, alat tulis serta apa-apa pembelian yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

5.2.2 Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/pentadbiran adalah tidak dibenarkan.

BAHAGIAN 6

KEPUTUSAN

6.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

6.1.1 Surat kelulusan projek penyelidikan akan disampaikan kepada Naib Canselor IPT/Ketua Setiausaha Kementerian/Rektor IPGM dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Institusi.

6.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh Kementerian kepada Bendahari/Kewangan setelah surat kelulusan FRGS dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan.

6.1.3 Keputusan Jawatankuasa Penilaian FRGS adalah muktamad.

6.2 DOKUMEN DAN IKATAN PERJANJIAN


6.2.1 Dokumen Perjanjian

- i. Dokumen perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan di antara Kementerian (diwakili oleh JPT, KPM) dan institusi;
- ii. Pihak institusi hendaklah memastikan dokumen perjanjian ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa untuk menandatangani dokumen perjanjian bagi pihak institusi; dan
- iii. Dua (2) salinan asal perlu dikemukakan kepada JPT, KPM.

6.2.2 Ikatan Perjanjian


- i. Ikatan perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan di antara institusi dan penyelidik;
- ii. Pihak institusi hendaklah memastikan ikatan perjanjian dibuat mengikut format yang ditetapkan oleh JPT, KPM. Walau bagaimanapun, pihak institusi dibenarkan untuk membuat penambahan syarat dan terma bersesuaian dengan keperluan institusi tanpa meninggalkan sebarang maklumat asas yang telah ditetapkan oleh JPT, KPM; dan
- iii. Pihak institusi perlu menyerahkan satu (1) salinan ikatan perjanjian yang lengkap ditandatangani kepada JPT, KPM.

CARTA ALIR PERMOHONAN



Rajah 1: Carta Alir Permohonan FRGS

CARTA ALIR PEMANTAUAN



Rajah 2: Carta Alir Pemantauan FRGS

Jadual 1: Jadual Kitaran bagi Pemantauan Berjadual Projek FRGS Peringkat JPT, KPM

PEMANTAUAN BERJADUAL

BULAN											
Kitaran Pemantauan 1						Kitaran Pemantauan 2					
Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Sept – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Sept – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Sept – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)				Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Apr tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Apr tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Apr tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)			

LAMPIRAN A

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT)

Senarai Universiti Awam adalah seperti berikut:

BIL	UNIVERSITI AWAM	KOD RUJUKAN
1.	Universiti Malaya	UM
2	Universiti Sains Malaysia	USM
3	Universiti Kebangsaan Malaysia	UKM
4	Universiti Putra Malaysia	UPM
5	Universiti Teknologi Malaysia	UTM
6	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	UIAM
7	Universiti Utara Malaysia	UUM
8	Universiti Malaysia Sarawak	UNIMAS
9	Universiti Malaysia Sabah	UMS
10	Universiti Pendidikan Sultan Idris	UPSI
11	Universiti Sains Islam Malaysia	USIM
12	Universiti Teknologi MARA	UITM
13	Universiti Malaysia Terengganu	UMT
14	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	UTHM
15	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	UTEM
16	Universiti Malaysia Pahang	UMP
17	Universiti Malaysia Perlis	UNIMAP
18	Universiti Sultan Zainal Abidin	UNISZA
19	Universiti Malaysia Kelantan	UMK
20	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	UPNM

Senarai Universiti Swasta adalah seperti berikut:

BIL.	UNIVERSITI SWASTA	KOD RUJUKAN
1	Multimedia University	MMU
2	Universiti Tenaga Nasional	UNITEN
3	Universiti Teknologi Petronas	UTP
4	UNITAR International University	UNITAR
5	Universiti Tun Abdul Razak	UNIRAZAK
6	International Medical University	IMU
7	Universiti Selangor	UNISEL
8	Malaysia University of Science and Technology	MUST
9	Open University Malaysia	OUM
10	AIMST University	AIMST
11	Universiti Kuala Lumpur	UNIKL
12	Universiti Tunku Abdul Rahman	UTAR
13	Universiti Terbuka Wawasan	WOU
14	International Centre for Education in Islamic Finance	INCEIF
15	Management and Science University	MSU
16	Universiti UCSI	UCSI
17	Quest International University Perak	QUEST
18	INTI International University	INTI
19	Taylor's University	TAYLOR
20	Sunway University	SUNWAY
21	Perdana University	PERDANA
22	Malaysian Institute for Supply Chain Innovation	MISI
23	Universiti HELP	HELP
24	Asia Pacific University of Technology & Innovation	APU
25	Universiti SEGi	SEGI

BIL.	UNIVERSITI SWASTA	KOD RUJUKAN
26	Universiti Nilai	NILAI
27	Binary University of Management & Entrepreneurship	BINARY
28	Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur	IUKL
29	Asia Metropolitan University	AMU
30	MAHSA University	MAHSA
31	International University of Malaya Wales	IUMW
32	University Malaysia of Computer Science and Engineering	UNIMY
33	Universiti Islam Malaysia	UIM
34	Asia School of Business	ASB
35	Meritus University	MERITUS
36	Universiti Sultan Azlan Shah	USAS
37	Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	UniSHAMS
38	Al-Madinah International University	MEDIU
39	Asia e University	AeU
40	City University	CITY
41	DRB-HICOM University of Automotive Malaysia	DRB-HICOM
42	GlobalNxt University	GLOBALNXT
43	Manipal International University	MIU
44	Putra Business School	PBS
45	Raffles University Iskandar	RAFFLES
46	University Antarabangsa AlBukhary	AIU
47	Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing	LUCT
48	Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech	IUCTT
49	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	KUIS
50	Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya	CUCMS

BIL.	UNIVERSITI SWASTA	KOD RUJUKAN
51	Kolej Universiti TATI	TATI
52	Kolej Universiti BERJAYA	KUHB
53	Kolej Universiti Islam Melaka	KUIM
54	Kolej Universiti Linton	LINTON
55	Kolej Universiti KDU	KDU
56	Kolej Universiti Widad (Kolej Universiti Shahputra)	KUSP
57	Kolej Universiti Lincoln	KUL
58	KPJ Healthcare University College	KPJ
59	Kolej Universiti Bestari	KUB
60	Kolej Universiti Selatan	KUS
61	Kolej Universiti Teknologi Sarawak	KUTS
62	Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman	TARC
63	Kolej Universiti Islam Sains dan Teknologi	KUIST
64	Kolej Universiti Geomatika	GUC
65	Kolej Universiti Islam Perlis	KUIPS
66	Kolej Universiti Yayasan Sabah	KUYS
67	Kolej Universiti Agrosains Malaysia	UCAM
68	Kolej Universiti KDU Penang	KDUPG
69	Kolej Universiti Borneo Utara	KUBU
70	Kolej Universiti Fairview	FAIRVIEW
71	Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah	KUIPSAS
72	Kolej Universiti New Era	NEWERA
73	Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur	KUPTM
74	Kuala Lumpur Metropolitan Universiti College	KLMUC
75	Kolej Universiti Veritas	VERITAS
76	Kolej Universiti Saito	SAITO

BIL.	UNIVERSITI SWASTA	KOD RUJUKAN
77	Kolej Universiti Komunikasi Han Chiang	HJU
78	Kolej Universiti Genovasi	KUG
79	Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS	PIUC
80	Kolej Universiti Yayasan Pahang	KYP
81	First City University College	FIRSTCITY

Senarai Universiti Cawangan adalah seperti berikut:

BIL	INSTITUSI CAWANGAN	KOD RUJUKAN
1	University of Nottingham in Malaysia	UNIM
2	Monash University Malaysia	MUSM
3	Curtin University of Technology Sarawak	CURTIN
4	Swinburne University of Technology	SWIN
5	University of Southampton Malaysia Campus	USMC
6	Heriot-Watt University Malaysia	HWUM
7	Universiti of Reading Malaysia	READING
8	Xiamen University Malaysia Campus	XMU
9	Newcastle University Medicine Malaysia	NUMeD
10	Royal College of Surgeons In Ireland And University College Dublin Malaysia Campus	RCSIUCD

Nota: Berdasarkan Senarai Daftar IPTS Bertaraf Universiti sehingga 30 November 2018

Senarai lain-lain institusi adalah seperti berikut:

BIL	INSTITUSI LAIN	KOD RUJUKAN
1	Institut Pendidikan Guru Malaysia	IPGM
2	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC)	MOSTI
3	Kementerian Kewangan Malaysia	MOF
4	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia	MOA
5	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	KATS
6	Kementerian Industri Utama	MPI
7	Kementerian Kesihatan Malaysia	MOH
8	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	MITI

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:



**UNIT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA.
NO. TEL: 03-8870 6974 / 6975
NO. FAKS: 03-8870 6867**